



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 51  
No. 25

**6hb Disember 2007**

*TAMBAHAN No. 143  
PERUNDANGAN (A)*

---

**P.U. (A) 399.**

**AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974**

**KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PELESENAN BAGI  
PENJUALAN DAN PENYIMPANAN UNTUK PENJUALAN) 2007**

---

**SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH**

---

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Fi
4. Borang
5. Permohonan bagi mendapatkan lesen
6. Borang lesen
7. Takat lesen
8. Membaharui lesen
9. Salinan lesen yang diperakui
10. Mempamerkan lesen, dsb.
11. Pembatalan
12. Kecualian dan peralihan

JADUAL

## AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PELESENAN BAGI  
PENJUALAN DAN PENYIMPANAN UNTUK PENJUALAN) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 57(1) Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [*Akta 149*], Menteri, selepas berunding dengan Lembaga, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pelesenan bagi Penjualan dan Penyimpanan untuk Penjualan) 2007**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kelas yang diperuntukkan” ertinya kelas yang diperuntukkan bagi racun makhluk perosak sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan 4(j)(i) Peraturan-Peraturan Racun Makhluk Perosak (Pelabelan) 1984 [*P.U. (A) 251/1984*];

“lesen untuk menjual racun makhluk perosak” ertinya lesen untuk menjual racun makhluk perosak yang dikeluarkan di bawah subseksyen 17(2) Akta;

“lesen untuk menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual” ertinya lesen untuk menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual yang dikeluarkan di bawah subseksyen 17(2) Akta;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah subseksyen 17(2) Akta.

**Fi**

3. (1) Fi yang kena dibayar di bawah Kaedah-Kaedah ini adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Apa-apa fi yang telah dibayar tidak boleh dikembalikan.

**Borang**

4. Borang-borang yang disebut dalam Kaedah-Kaedah ini adalah yang terkandung dalam Jadual Kedua.

**Permohonan bagi mendapatkan lesen**

5. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan suatu lesen untuk menjual racun makhluk perosak dan lesen untuk menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual hendaklah dibuat kepada Pegawai Pelesen Racun Makhluk Perosak dalam Borang A dengan disertakan fi yang ditetapkan.

(2) Seseorang pemohon bagi mendapatkan lesen yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah memberikan apa-apa maklumat lanjut sebagaimana yang dikehendaki oleh Pegawai Pelesen Racun Makhluk Perosak.

(3) Jika pemohon ialah suatu pertubuhan perbadanan, permohonan itu hendaklah disempurnakan dan ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu oleh pertubuhan perbadanan itu.

**Borang lesen**

6. (1) Suatu lesen untuk menjual racun makluk perosak hendaklah dalam Borang B1.

(2) Suatu lesen untuk menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual hendaklah dalam Borang B2.

**Takat lesen**

7. (1) Suatu lesen untuk menjual racun makhluk perosak hendaklah termasuk urusan perniagaan berhubungan dengan penyimpanan, pemilikan, pemameran dan penjualan, atau perkhidmatan yang menggunakan, kelas racun makhluk perosak yang diperuntukkan di premis yang dinyatakan dalam lesen itu.

(2) Tiada seorang pun pemegang lesen untuk menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual boleh menjual racun makhluk perosak selain di premis yang dinyatakan dalam lesen itu.

**Membaharui lesen**

8. (1) Sesuatu permohonan bagi membaharui lesen untuk menjual racun makhluk perosak dan lesen untuk menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual hendaklah dibuat kepada Pegawai Pelesen Racun Makhluk Perosak dalam Borang A dengan disertakan fi yang ditetapkan tiga bulan sebelum luputnya tempoh lesen itu.

(2) Pegawai Pelesen Racun Makhluk Perosak boleh, apabila membaharui lesen itu, mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan patut olehnya.

**Salinan lesen yang diperakui**

9. (1) Seseorang pemegang lesen untuk menjual racun makhluk perosak dan lesen untuk menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual boleh memohon secara bertulis kepada Pegawai Pelesen Racun Makhluk Perosak bagi mendapatkan salinan lesen yang diperakui lesen itu jika lesen itu telah hilang, rosak atau cacat, atau atas apa-apa alasan lain yang munasabah yang memuaskan hati Pegawai Pelesen Racun Makhluk Perosak.

(2) Suatu permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertakan dengan—

(a) fi yang ditetapkan; dan

(b) suatu akuan berkanun atau laporan polis oleh pemegang lesen yang menyatakan bahawa lesen yang dikeluarkan kepada pemegang lesen itu telah hilang, rosak atau cacat, atau suatu pernyataan yang menyatakan sebab-sebab bagi permohonan itu.

(3) Pegawai Pelesen Racun Makhluk Perosak boleh mengeluarkan salinan lesen yang diperakui bagi lesen untuk menjual racun makhluk perosak lesen untuk menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual kepada pemegang lesen itu jika Pegawai Pelesen Racun Makhluk Perosak berpuas hati bahawa lesen asal telah hilang, rosak atau cacat atau bahawa suatu salinan yang diperakui diperlukan atas apa-apa alasan yang munasabah.

**Mempamerkan lesen, dsb.**

10. (1) Pemegang lesen untuk menjual racun makhluk perosak dan lesen untuk menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menyebabkan lesen itu dipamerkan pada setiap masa di suatu bahagian yang mudah dilihat di premis yang dinyatakan dalam lesen itu dan hendaklah mengemukakan rekod dan apa-apa dokumen lain berhubungan dengan penjualan atau penyimpanan racun makhluk perosak itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada mana-mana Pegawai Pelesen Racun Makhluk Perosak yang memintanya bagi maksud pemeriksaan.

(2) Pemegang lesen untuk menjual racun makhluk perosak dan lesen untuk menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual hendaklah mempamerkan apa-apa maklumat lain mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dikehendaki oleh Pegawai Pelesen Racun Makhluk Perosak dari semasa ke semasa.

**Pembatalan**

11. Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pelesenan bagi Penjualan dan Penyimpanan untuk Jualan) 1988 [P.U. (A) 207/1988] dibatalkan.

### Kecualian dan peralihan

12. Jika sesuatu permohonan bagi suatu lesen untuk menjual racun makhluk perosak atau lesen untuk menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual atau permohonan untuk membaharui lesen itu yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pelesenan bagi Penjualan dan Penyimpanan untuk Jualan) 1988 masih belum selesai sebaik sebelum tarikh kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, permohonan itu hendaklah diuruskan di bawah Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pelesenan bagi Penjualan dan Penyimpanan untuk Jualan) 1988 dan bagi maksud itu sahaja Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pelesenan bagi Penjualan dan Penyimpanan untuk Jualan) 1988 hendaklah disifatkan masih berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

#### JADUAL PERTAMA

(Kaedah 3)

#### FI

PERKARA	FI
1. Permohonan baru bagi mendapatkan/membaharui lesen untuk menjual/menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual Kelas Ia, Ib, II, III dan IV	RM 750.00
2. Permohonan baru bagi mendapatkan/membaharui lesen untuk menjual/menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual Kelas Ia dan Ib	RM 500.00
3. Permohonan baru bagi mendapatkan/membaharui lesen untuk menjual/menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual Kelas II, III dan IV	RM 250.00
4. Permohonan bagi mendapatkan salinan lesen yang diperakui untuk menjual/menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual	RM 50.00

JADUAL KEDUA

(Kaedah 4)

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PELESENAN BAGI PENJUALAN DAN PENYIMPANAN UNTUK PENJUALAN) 2007

BORANG A

[Subkaedah 5(1), 8(1) dan (2)]

**PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN/MEMBAHARUI\* LESEN UNTUK MENJUAL/LESEN UNTUK MENYIMPAN RACUN MAKHLUK PEROSAK UNTUK DIJUAL**

*(Permohonan ini hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pelesen Racun Makhluk Perosak) (Satu salinan hendaklah disempurnakan)*

Permohonan ini adalah bagi:  
*(Sila [//] yang sesuai)*

(a) Lesen baru :

(b) Membaharui lesen :

(i) Nombor lesen semasa : .....

(ii) Tempoh sah lesen : Dari :..... hingga :.....

1. Nama pemohon : .....

2. Nama \*syarikat/perniagaan : .....

3. Alamat surat-menyurat \*syarikat/perniagaan :  
.....  
.....

4. Poskod : ..... 5. Negeri : .....

6. No. Telefon : ..... 7. No. Faks : .....

8. Alamat e-mel : .....

9. Alamat \*syarikat/perniagaan yang perniagaan penjualan/penyimpanan untuk jualan racun makhluk perosak \*dijalankan/akan dijalankan (jika berlainan daripada No. 3)  
.....  
.....

10. Poskod : ..... 11. Negeri : .....

12. No. Telefon : ..... 13. No. Faks : .....

14. Premis perniagaan berada di \*dalam/luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan

- 15. Jenis premis perniagaan \*rumah kediaman/bangunan perniagaan
- 16. Kelas/Kelas-Kelas racun makhluk perosak yang \*saya/kami berhasrat \*menjual/menyimpan untuk dijual ialah—  
 (a) Kelas Ia dan Ib  (b) Kelas II, III dan IV  (c) Kelas Ia, Ib, II, III dan IV
- 17. Nombor pendaftaran \*syarikat/perniagaan : .....

Saya/Kami mengemukakan:

(Sila tandakan [ / ] kotak yang sesuai)

- suatu salinan pelan lakar premis menjual dan menyimpan untuk dijual yang menunjukkan kedudukan tempat letak racun makhluk perosak dan barang-barang lain yang dipamerkan (sila nyatakan), kedudukan stor (jika ada) dan kaunter juruwang
- suatu salinan Perakuan Pendaftaran [Borang D] yang diperakui yang dikeluarkan di bawah kaedah 13 Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957
- suatu salinan Borang 9 yang diperakui yang dikeluarkan di bawah subperaturan 3(1) Peraturan-Peraturan Syarikat 1966
- suatu salinan Perakuan Pendaftaran yang diperakui yang dikeluarkan di bawah subperaturan 7(2) dan 15(2) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983
- suatu salinan lesen yang diperakui yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil Pasar bagi setiap negeri
- suatu salinan Perakuan Pengamalan Tahunan yang diperakui yang dikeluarkan di bawah seksyen 17 Akta Doktor Veterinar 1974
- sijil kehadiran kursus asas dalam penjualan/penyimpanan racun makhluk perosak untuk jualan
- \*draf bank penerima akaun/kiriman wang/wang pos No.:..... yang dibayar kepada **Ketua Pengarah Pertanian, Semenanjung Malaysia**—

(Sila tandakan [ / ] kotak yang sesuai)

- (a) bagi amaun sebanyak RM750.00 sebagai bayaran permohonan baru bagi mendapatkan/membaharui lesen menjual/menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual Kelas Ia, Ib, II, III dan IV
- (b) bagi amaun sebanyak RM500.00 sebagai bayaran permohonan baru bagi mendapatkan/membaharui lesen menjual/menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual Kelas Ia dan Ib
- (c) bagi amaun sebanyak RM250.00 sebagai bayaran permohonan baru bagi mendapatkan/membaharui lesen menjual/menyimpan racun makhluk perosak untuk dijual Kelas II, III dan IV

18. \*Saya/Kami mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar dan betul.

.....  
(Tandatangan pemohon)

Nama : .....

No. KP : .....

Tarikh : .....

Untuk dan bagi pihak : (Nyatakan nama \*syarikat/perniagaan) : .....

\*Meterai syarikat/Cop perniagaan :

\* Potong yang tidak berkenaan

No. Siri .....

**BORANG B1**

(Kaedah 6)

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PELESENAN BAGI PENJUALAN DAN  
PENYIMPANAN UNTUK PENJUALAN) 2007

***LESEN UNTUK MENJUAL RACUN MAKHLUK PEROSAK***

No. Lesen : .....

Nama syarikat/perniagaan : .....


Alamat : .....

Kelas-Kelas yang diperuntukkan : .....

Di premis perniagaan : .....

Tempoh sah : .....

Tarikh dikeluarkan : .....



Tandatangan : .....

Nama : .....

Pegawai Pelesen  
Racun Makhluk Perosak

Lesen ini hendaklah dipamerkan

**SYARAT-SYARAT:**



**BORANG B2**

(Kaedah 6)

## AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PELESENAN BAGI PENJUALAN DAN  
PENYIMPANAN UNTUK PENJUALAN) 2007***LESEN UNTUK MENYIMPAN RACUN MAKHLUK PEROSAK UNTUK DIJUAL***

No. Lesen : .....

Nama syarikat/perniagaan : .....


Alamat : .....

Kelas-Kelas yang  
diperuntukkan : .....

Di premis perniagaan : .....

Tempoh sah : .....

Tarikh dikeluarkan : .....



Tandatangan : .....

Nama : .....

Pegawai Pelesen  
Racun Makhluk Perosak

Lesen ini hendaklah dipamerkan

**SYARAT-SYARAT:**Dibuat 5 November 2007  
[KP/LA/483/11; PN(PU<sup>2</sup>)275/XIII]TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN  
*Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

PESTICIDES ACT 1974

PESTICIDES (LICENSING FOR SALE AND STORAGE FOR SALE)  
RULES 2007

---

ARRANGEMENT OF RULES

---

Rule

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Fees
4. Forms
5. Application for licence
6. Form of licence
7. Extent of licence
8. Renewal of licence
9. Certified copy of licence
10. Display of licence, *etc.*
11. Revocation
12. Savings and transitional

SCHEDULE

## PESTICIDES ACT 1974

PESTICIDES (LICENSING FOR SALE AND STORAGE FOR SALE)  
RULES 2007

IN exercise of the powers conferred by subsection 57(1) of the Pesticides Act 1974 [*Act 149*], the Minister, after consulting the Board, makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Pesticides (Licensing for Sale and Storage for Sale) Rules 2007**.

(2) These Rules come into operation on 1 January 2008.

**Interpretation**

2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“assigned class” means classes assigned to pesticides as stated in subparagraph 4(j)(i) of the Pesticides (Labelling) Regulation 1984 [*P.U. (A) 251/1984*];

“licence to sell pesticides” means a licence to sell pesticides issued under subsection 17(2) of the Act;

“licence to store pesticides for sale” means a licence to store for sale of pesticides issued under subsection 17(2) of the Act;

“holder of a licence” means a person licensed under subsection 17(2) of the Act.

**Fees**

3. (1) The fees to be paid under these Rules shall be as specified in the First Schedule.

(2) Any fees paid shall not be refundable.

**Forms**

4. The forms referred to in these Rules are those contained in the Second Schedule.

**Application for licence**

5. (1) An application for a licence to sell pesticides and a licence to store pesticides for sale shall be made to the Pesticides Licensing Officer in Form A and shall be accompanied by the prescribed fee.

(2) An applicant for the licence mentioned in subrule (1) shall furnish such further information as the Pesticides Licensing Officer may require.

(3) Where the applicant is a body corporate, the application shall be completed and signed by a person or persons duly authorized in that behalf by the body corporate.

#### **Form of licence**

6. (1) A licence to sell pesticides shall be in Form B1.

(2) A licence to store pesticides for sale shall be in Form B2.

#### **Extent of licence**

7. (1) A licence to sell pesticides shall include business transactions relating to storage of, owning, exhibition and sale of or any service using assigned classes of pesticides at the premises specified in such licence.

(2) No holder of a licence to store pesticides for sale shall sell pesticides other than at the premises specified in such licence.

#### **Renewal of licence**

8. (1) An application for the renewal of a licence to sell pesticides and licence to store pesticides for sale shall be made to the Pesticides Licensing Officer in Form A and shall be accompanied by the prescribed fee three months before the expiration of such licence.

(2) The Pesticides Licensing Officer may, when renewing the licence, impose such conditions as he thinks fit.

#### **Certified copy of licence**

9. (1) A holder of a licence to sell pesticides and licence to store pesticides for sale may apply in writing to the Pesticides Licensing Officer for a certified copy of such licence if such licence is lost, destroyed or mutilated, or on any other reasonable grounds to the satisfaction of the Pesticides Licensing Officer.

(2) An application under subrule (1) shall be accompanied by—

(a) the prescribed fee; and

(b) a statutory declaration or a police report by the holder of the licence to the effect that the licence issued to the holder of the licence is lost, destroyed or mutilated or a statement specifying the reasons for the application.

(3) The Pesticides Licensing Officer may issue a certified copy of the licence to sell pesticides and licence to store pesticides for sale to the holder of such licence if the Pesticides Licensing Officer is satisfied that the original is lost, destroyed or mutilated or that a certified copy is required for a reasonable grounds.

**Display of licence, etc.**

10. (1) The holder of a licence to sell pesticides and a licence to store pesticides for sale, as the case may be, shall cause such licence, to be displayed at all times in a conspicuous part of the premises specified in such licence and shall produce record and such other documents relating to the sale or storage of the pesticides, as the case may be, to any Pesticides Licensing Officer upon demand for inspection purposes.

(2) The holder of a licence to sell pesticides and licence to store pesticides for sale shall display such other information in such manner as the Pesticides Licensing Officer may from time to time require.

**Revocation**

11. The Pesticides (Licensing for Sale and Storage for Sale) Rules 1988 [*P.U. (A) 207/1988*] is revoked.

**Savings and transitional**

12. Where an application for a licence to sell pesticides and licence to store pesticides for sale or an application for the renewal of such licence made under the Pesticides (Licensing for Sale and Storage for Sale) Rules 1988 is pending immediately before the date of coming into operation of these Rules, such application shall be dealt with under the Pesticides (Licensing for Sale and Storage for Sale) Rules 1988 and for such purpose only the Pesticides (Licensing for Sale and Storage for Sale) Rules 1988 shall be deemed to remain in operation with full force and effect.

FIRST SCHEDULE

(Rule 3)

**FEES**

MATTERS	FEES
1. New application/renewal for Class Ia, Ib, II, III and IV pesticides licence to sell/storage for sale	RM 750.00
2. New application/renewal for Class Ia and Ib pesticides licence to sell/storage for sale	RM 500.00
3. New application/renewal for Class II, III and IV pesticides licence to sell/storage for sale	RM 250.00
4. Application for a certified copy of licence to sell pesticides/licence to storage for sale	RM 50.00

SECOND SCHEDULE

(Rule 4)

PESTICIDES ACT 1974

PESTICIDES (LICENSING FOR SALE AND STORAGE FOR SALE) RULES 2007

FORM A

[Subrules 5(1), 8(1) and (2)]

APPLICATION FOR/\*RENEWAL OF A LICENCE TO SELL/LICENCE TO STORE PESTICIDES FOR SALE

(This application shall be submitted to the Pesticides Licensing Officer) (One copy to be completed)

Application for: (Please [/] as appropriate)

(a) New Licence : [ ]

(b) Renewal of licence : [ ]

(i) Existing licence number : .....

(ii) Validity period of licence : From : ..... until : .....

1. Name of applicant : .....

2. Name of \*company/business : .....

3. Corresponding address of \*company/business : .....  
.....

4. Postcode : ..... 5. State : .....

6. Tel. No. : ..... 7. Fax. No. : .....

8. E-mail address : .....

9. Address of \*company/business where business of sale/storage for sale of pesticides \*is/will be carried out (if different from No. 3) .....  
.....

10. Postcode : ..... 11. State : .....

12. Tel. No. : ..... 13. Fax. No. : .....

14. Business premises is located \*inside/outside the Local Authority area

15. Type of business premises \*residential house/business premises

16. Class or Classes of pesticides \*I/we desire to sell or store for sale is/are—

(a) Class Ia and Ib  (b) Class II, III and IV  (c) Class Ia, Ib, II, III and IV

17. Registration number of \*company/business : .....

I/We forward:

(Please tick [ ] the appropriate box)

- a copy of sketch plan of the sale and store for sale premises that shows the position of pesticides and other goods displayed (please state), the position of the store (if any) and the cashier counter
- a certified copy of Certificate of Registration [Form D] issued under rule 13 of the Registration of Businesses Rules 1957
- a certified copy of Form 9 issued under subregulation 3(1) of the Companies Regulations 1966
- a certified copy of Certificate of Registration issued under subregulations 7(2) and 15(2) of the Farmers Organization Regulations 1983
- a certified copy of licence issued under the Market By-Laws of each state
- a certified copy of Annual Practising Certificate issued under section 17 of the Veterinary Surgeons Act 1974
- certificate of attendance of the basis course in the sale of/the storage for sale of pesticides
- \*an account payee bank draft/money order/postal order No.:..... made payable to the **Ketua Pengarah Pertanian, Semenanjung Malaysia**—

(Please tick [ ] the appropriate box)

- (a) for the amount of RM 750.00 being new application/renewal fee for Class Ia, Ib, II, III and IV pesticides licence to sell/storage for sale
- (b) for the amount of RM 500.00 being new application/renewal fee for Class Ia and Ib pesticides licence to sell/storage for sale
- (c) for the amount of RM 250.00 being new application/renewal fee for Class II, III and IV pesticides licence to sell/storage for sale

18. \*I/We declare that all the information given in this application is true and correct.

.....  
(Signature of applicant)

Name: .....

NRIC No.: .....

Date: .....

For and on behalf of : (State name of \*company/business) : .....

\*Company seal/Business stamp :

\* Delete whichever is inapplicable

**FORM B1**

(Rule 6)

PESTICIDES ACT 1974

PESTICIDES (LICENSING FOR SALE AND STORAGE FOR SALE) RULES 2007

***LICENCE TO SELL PESTICIDES***

Licence No. : .....

Name of company/business : .....


Address : .....  
.....

Assigned classes : .....

At business premises : .....  
.....

Validity period : .....

Date issued : .....



Signature : .....

Name : .....

Pesticides Licensing  
Officer

This licence shall be displayed

***CONDITIONS:***



**FORM B2**

(Rule 6)

PESTICIDES ACT 1974

PESTICIDES (LICENSING FOR SALE AND STORAGE FOR SALE) RULES 2007

**LICENCE TO STORE PESTICIDES FOR SALE**

Licence No. : .....

Name of company/business : .....


Address : .....  
.....

Assigned classes : .....

At business premises : .....  
.....

Validity period : .....

Date issued : .....



Signature : .....

Name : .....

Pesticides Licensing  
Officer

This licence shall be displayed

**CONDITIONS:**

Made 5 November 2007  
[KP/LA/483/11; PN(PU<sup>2</sup>)275/XIII]

TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN  
*Minister of Agriculture and Agro-Based Industry*

**P.U. (A) 400.**

## AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (NILAI-NILAI) (MINYAK MENTAH PETROLEUM)  
(No. 25) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Nilai-Nilai) (Minyak Mentah Petroleum) (No. 25) 2007** dan hendaklah mula berkuat kuasa bagi tempoh 6 Disember 2007 hingga 19 Disember 2007.

**Pemungutan dan pembayaran duti kastam**

2. Bagi maksud pemungutan dan pembayaran duti-duti kastam, menurut peruntukan-peruntukan Perintah Duti Kastam 1996 [*P.U. (A) 15/96*], nilai bagi tiap-tiap satu barang berduti yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual mengikut unitnya yang tersebut dalam ruang (3) hendaklah nilai yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual tersebut.

## CUSTOMS ACT 1967

## CUSTOMS (VALUES) (CRUDE PETROLEUM OIL) (No. 25) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by section 12 of the Customs Act 1967 [*Act 235*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. This order may be cited as the **Customs (Values) (Crude Petroleum Oil) (No. 25) Order 2007** and shall have effect for the period from 6 December 2007 to 19 December 2007.

**Levy and payment of customs duties**

2. For the purpose of the levy and payment of customs duties, in accordance with the provisions of the Customs Duties Order 1996 [*P.U. (A) 15/96*], the value of each of the dutiable goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule in respect of the unit thereof mentioned in column (3) of the Schedule shall be the value specified in column (4) of the said Schedule.

## JADUAL/SCHEDULE

Barang (Goods)	Sub. Kepala (Heading No.)	Unit (Unit)	Nilai (Value)
(1)	(2)	(3)	(4)
PETROLEUM OILS AND OILS OBTAINED FROM BITUMINOUS MINERALS, CRUDE:			
Tapis Blend	2709.00.100	per barrel	RM290.96
Labuan Crude	2709.00.100	per barrel	RM290.96
Miri Light Crude	2709.00.100	per barrel	RM290.96
Dulang	2709.00.100	per barrel	RM289.97
Bintulu Crude	2709.00.100	per barrel	RM289.97
Terengganu Condensate	2709.00.900	per barrel	RM286.98
Bintulu Condensate	2709.00.900	per barrel	RM287.32
Masa	2709.00.100	per barrel	RM290.96
Asam Paya	2709.00.100	per barrel	RM291.03
Kidurong	2709.00.100	per barrel	RM274.75
Penara Blend	2709.00.100	per barrel	RM252.03
Minyak Mentah Fairley Baram	2709.00.100	per barrel	RM291.03
Cakerawala Condensate	2709.00.900	per barrel	RM237.64
Angsi Crude	2709.00.100	per barrel	RM272.46
Cendor Crude	2709.00.100	per barrel	RM292.95
Abu Blend	2709.00.100	per barrel	RM261.78
Kikeh Crude	2709.00.100	per barrel	RM287.98

Dibuat 30 November 2007

Made 30 November 2007

[KE. HT (34.11)819/01-1/Klt. 9/(24); R.9003/54z-40;  
PN(PU<sup>2</sup>)338/VIII/Klt. 3(24)]

Dengan arahan Menteri Kewangan.  
*By direction of the Minister of Finance.*

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan/  
*On behalf and in the name of the Minister of Finance*

DATUK AZIYAH BINTI BHAUDDIN  
*Setiausaha*  
*Bahagian Analisa Cukai*

## P.U. (A) 401.

## AKTA DUTI HIBURAN 1953

## PERINTAH DUTI HIBURAN (PENGECCUALIAN) (No. 22) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Akta Duti Hiburan 1953 [*Akta 103*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Hiburan (Pengecualian) (No. 22) 2007**.

**Pengecualian**

2. Persembahan *Ziryab International Music & Arts Festival* yang telah diadakan di Crowne Plaza Mutiara, Kuala Lumpur, KLCC Plenary Hall, Kuala Lumpur dan Hotel Shangri La, Kuala Lumpur pada 24 Julai 2007 hingga 31 Ogos 2007 dikecualikan daripada duti hiburan.

Dibuat 24 Oktober 2007

[Perb.(8.09)248/39/2-1 Vol. 16(S.K. 30); PN(PU<sup>2</sup>)174/VIII]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan

DATO DR NG YEN YEN  
*Timbalan Menteri Kewangan*

## ENTERTAINMENTS DUTY ACT 1953

## ENTERTAINMENTS DUTY (EXEMPTION) (No. 22) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the Entertainments Duty Act 1953 [*Act 103*], the Minister makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Entertainments Duty (Exemption) (No. 22) Order 2007**.

**Exemption**

2. The *Ziryab International Music & Arts Festival* show which was held at the Crowne Plaza Mutiara, Kuala Lumpur, KLCC Plenary Hall, Kuala Lumpur

and Hotel Shangri La, Kuala Lumpur from 24 July 2007 until 31 August 2007 is exempted from entertainments duty.

Dated 24 October 2007

[Perb.(8.09)248/39/2-1 Vol. 16(S.K. 30); PN(PU<sup>2</sup>)174/VIII]

On behalf and in the name of the Minister of Finance

DATO DR NG YEN YEN  
*Deputy Minister of Finance*

**P.U. (A) 402.**

**AKTA SETEM 1949**

**PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (No. 3) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Peremitan) (No. 3) 2007**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 8 September 2007.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“harta kediaman” ertinya sebuah rumah, unit kondominium, pangsapuri atau rumah pangsa yang dibina sebagai suatu rumah kediaman.

**Peremitan**

3. Lima puluh peratus (50%) daripada duti setem yang boleh dikenakan ke atas mana-mana surat cara pindah milik bagi pembelian satu unit harta kediaman sahaja oleh seseorang individu yang berharga tidak melebihi RM250,000 seunit dan disempurnakan pada atau selepas 8 September 2007 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2010 adalah diremitkan.

Dibuat 15 November 2007

[Perb.(8.09)294/6/4-9(SJ. 9)(2008)(SK. 9);

LHDN.01/32.3/42/68-180-1A)(i)(10/07); PN(PU<sup>2</sup>)159/XXXIII]

TAN SRI NOR MD. BIN YAKCOP  
*Menteri Kewangan Kedua*

## STAMP ACT 1949

## STAMP DUTY (REMISSION) (NO. 3) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(2) of the Stamp Act 1949 [Act 378], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Stamp Duty (Remission) (No. 3) Order 2007**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 8 September 2007.

**Interpretation**

2. In this Order, unless the context otherwise requires—

“residential property” means a house, condominium unit, apartment or flat built as a dwelling house.

**Remission**

3. Fifty percent (50%) of the stamp duty chargeable on any instrument of transfer for the purchase of one unit of residential property only by an individual costing not more than RM250,000 per unit and executed on or after 8 September 2007 but not later than 31 December 2010 is remitted.

Made 15 November 2007

[Perb.(8.09)294/6/4-9(SJ. 9)(2008)(SK. 9);

LHDN.01/32.3/42/68-180-1A)(i)(10/07); PN(PU<sup>2</sup>)159/XXXIII]

TAN SRI NOR MD. BIN YAKCOP  
*Second Minister of Finance*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA